

# UMS, Usia adakan kempen derma darah 7 April ini

UB 03.04.2012 B6

KOTA KINABALU: Jabatan Kebajikan Mahasiswa, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (Usia) akan mengadakan kempen derma darah pada 7 April bermula jam 8 pagi hingga 2 petang, bertempat di dewan serbaguna, Aras 4, Pusat Pentadbiran Usia, Menara D, 1Borneo, Jalan Sulaman dekat sini.

Menurut jurucakap penganjur, sasaran penderma ialah penuntut dan orang ramai.

Katanya adalah diharapkan hasil daripada kempen itu, pihaknya akan dapat mengumpul sekurang-kurangnya 100 paket darah yang akan diserahkan kepada tabung darah hospital.

Beliau berharap kempen ini dapat memberi kesedaran kepada orang ramai betapa pentingnya menderma darah untuk menyelamatkan mereka yang memerlukan, selain membantu kekurangan simpanan darah di hospital.